



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BERKENAN BERANGKAT MEMBUAT LAWATAN KERJA
KE TOTALENERGIES EP (BRUNEI) B.V (TEPB)
DAN BRUNEI FERTILIZER INDUSTRIES SDN BHD (BFI)**

Belait, Sabtu, 25 Februari 2023

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi ini berkenan berangkat ke TotalEnergies EP (Brunei) B.V bagi lawatan kerja perasmian Sambutan Ulang Tahun ke-35 TotalEnergies.

Mengiringi Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Paduka-Paduka Anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di *Onshore Processing Plant* TotalEnergies EP (Brunei) B.V, Lumut dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; dan Mr. Jerome Saniez, General Manager of TotalEnergies.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Mohd Shah bin Haji Taip, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Belait, Jabatan Kehakiman Negara.

Majlis diteruskan lagi dengan Sembah alu-aluan oleh Mr. Jerome Saniez, General Manager of TotalEnergies.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan menandatangani plak perasmian Sambutan Ulang Tahun ke-35 Tahun TotalEnergies dan seterusnya berkenan menerima pesambahan yang disembahkan oleh Mr. Jerome Saniez, General Manager of TotalEnergies.



Sejurus itu, Baginda berkenan menyaksikan tayangan video klip yang memaparkan perkembangan dan pencapaian TotalEnergies selama 35 tahun beroperasi di Negara Brunei Darussalam. Baginda seterusnya berkenan berangkat menyaksikan Pameran 'History Tunnel – Archive of TEPB Achievements' dan diikuti lawatan ke Onshore Processing Plant (OPP) dan Central Control Room (CCR).

Semenjak penubuhannya pada tahun 1987, TotalEnergies EP (Brunei) B.V. telah mengeluarkan gas asli melalui tiga (3) *Offshore platform* dan *Onshore Processing Plant*. Sebanyak 91% tenaga pekerja di TotalEnergies adalah terdiri daripada anak-anak tempatan yang telah dilatih melalui program-program sumber tenaga manusia termasuk program *apprenticeship* dan penempatan kerja di cawangan-cawangan TotalEnergies di luar negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Loji Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd (BFI), Sungai Liang Industrial Park (SPARK).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di majlis tersebut dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah-Pengarah BFI dan Dr. Harri Kiiski, Ketua Pegawai Eksekutif BFI.

Majlis Pelancaran Loji Syarikat BFI dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan diikuti dengan Sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Semasa majlis ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Titah bagi Majlis Pelancaran Loji Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menyatakan Projek BFI melambangkan salah satu komitmen Kerajaan dalam mendukung usaha untuk meningkatkan lagi kegiatan ekonomi negara. Perkembangan di dalam industri petrokimia ini Insya Allah akan menjadi salah satu sumbangan utama dalam menambah kepelbagaiannya produk eksport negara. Ini juga dijangka akan mengurangkan lagi kebergantungan negara kepada pengekspotan produk minyak dan gas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya menekankan bahawa Syarikat BFI memainkan peranan penting dalam membekalkan Urea kepada negara-negara yang bergantung kepada hasil pertanian. Kegiatan pengekspotan tersebut



akan secara langsungnya juga mengembangkan sektor ekspot logistik Negara. Semenjak penubuhan Syarikat BFI pada tahun 2013 yang lalu, Syarikat BFI telah mencapai beberapa pencapaian yang besar, antaranya berjaya untuk menghasilkan lebih daripada 631 ribu tan metric baja Urea semenjak Januari 2022, yang mana sebanyak 556 ribu tan metrik telahpun berjaya diekspot ke negara asing yang mempunyai nilai pendapatan sebanyak USD322 juta.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menyatakan Baginda berbangga dengan hasil pencapaian Syarikat BFI dalam mengambil tenaga pekerja sebanyak 66%, yang mana sebanyak 161 anak tempatan dari institusi pengajian teknikal tempatan dan luar negara, telah menjalani latihan industri selama 6 bulan di dalam dan di luar negara termasuk pendedahan kerja di loji-loji ammonia dan urea yang ada di negara berhampiran sebelum Loji Syarikat BFI siap dibina. Perkara ini, sejajar dengan hasrat Wawasan Negara 2035, untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyentuh mengenai Syarikat BFI akan terus memainkan peranan penting dalam menjayakan lagi aspirasi Kerajaan dan Negara. Dengan pelancaran Loji Syarikat BFI, ianya akan memacu peluang untuk membangunkan peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk menyumbang lagi ke dalam operasi Loji Syarikat BFI terutamanya dalam pelbagai bidang seperti logistik, sekuriti, katering dan lain-lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Syarikat BFI, Agensi- Agensi yang berkaitan dan kesemua warga tenaga kerja Syarikat BFI di atas usaha dan dedikasi mereka dalam menjayakan projek ini. Oleh itu, bagi menghargai jasa dan bakti kesemua tenaga-tenaga kerja Syarikat yang telah bertungkus-lumus menjayakan projek ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah memperkenankan pembayaran *Project Completion Bonus* kepada keseluruhan warga Syarikat BFI, yang mana maklumat mengenainya akan disampaikan oleh pihak Pengurusan Syarikat nanti.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan merasmikan pelancaran Loji Syarikat BFI dan menerima pesambahan yang disembahkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.



Sejurus itu, baginda berkenan menyaksikan tayangan video klip yang mengetengahkan perkembangan Syarikat BFI dari sejak awal penubuhannya hingga ke pencapaian yang terkini. Baginda kemudian berkenan berangkat menyaksikan Pameran Pencapaian Syarikat BFI dan membuat lawatan ke tapak Loji Ammonia dan Urea Syarikat BFI, ke Bilik Pusat Kawalan Loji dan makmal syarikat berkenaan. Disini, Baginda juga telah menerima sembah taklimat mengenai objektif dan halatuju Syarikat BFI dan seterusnya berkenan menandatangani plak peringatan Syarikat BFI.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diakhiri dengan Majlis Santap Tengahari dan sesi beramah mesra bersama pegawai dan kakitangan Syarikat BFI.

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

04 Sya'ban 1444
25 Februari 2023